

**NO SOALAN : 41**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA**  
**[ BAKRI ]**  
**TARIKH : 28.10.2015**  
**(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah status Batalion Marin yang dikenali sebagai Marine Corp yang diisytiharkan cadangan penubuhannya pada tahun 2012. Senaraikan peralatan, jumlah tenaga kerja mengikut pecahan pentadbiran dan operasi, anggaran perbelanjaan yang diperlukan untuk tujuan ini.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada masa ini, Pasukan Marin seperti yang dinyatakan masih belum lagi ditubuhkan. Sebagai maklumat konsep dan peranan Pasukan Marin adalah bersifat *expeditionary* yang mana kebiasaannya organisasi ini dimiliki oleh tentera negara-negara kuasa besar yang mempunyai kepentingan luar pantai serta negara-negara berkepulauan dimana *scale of effort* mereka adalah mengikut keperluan dan kepentingan negara tersebut.**

**Manakala, struktur organisasi ATM adalah berasaskan kepada Dasar Pertahanan Negara yang bersifat *self defence*. Walau bagaimanapun, penubuhan Pasukan Marin sudah tentu memberikan kelebihan kepada keupayaan pertahanan negara.**